

## Part 1 Introduction

Mata tak mengantuk lak pagi2 ni, so saya cerita laa sikit pasai tajuk atas tu. Perang ini adalah perang besar yg melibatkan 3 benua. Eropah, Afrika(Afrika Utara) dan Asia dan jumlah kehilangan jiwa lebih kurang 50 juta orang dan lebih separuhnya adalah dari Soviet Union. Pakatan Axis terdiri dari Jerman, Jepun dan Italy. Berikat (Allied) pula British,Soviet dan US.

France pula cuma sakibaki tenteranya yg terselamat dan kemudian berpengkalan di Britain. Pasai France sendiri dah dijajah Jerman. Sebelum perang bermula, polis dunia adalah Britain dan France...US pulak hanya terkenal pasal filem2 Hollywood je masa tu..belum kuat lagi. Kali ni kita cerita kat belah Eropah dgn Afrika Utara saja. Bab perang Jepun kat asia kite citer lain kali je. Kang terlampau panjang pulak...Sapa yg minat je laa..

## Part 2 - Winds of War

.



Hitler menerajui Jerman,Maharaja Hirohito Jepun dan MUssolini pula ketua Italy. Antara tiga2 tu, Jerman adalah yg paling terpowerful sekali..hehe. British pulak ketuanya adlah Churchill,Soviet-Stalin dan US adlah Pres.Rossevelt.



Mulanya macam ni...Jerman ni dah mula dah amik sikit2 wilayah yg dia kalah pada WW1 dulu seperti di Czeckhoslovakia dan British,French diam lagi. Hitler tggk diorang diam, dia pun arah tenteranya tawan Norway pulak...



Aaa pastu baru polis dunia ni hantar askar support Norway di Narvik. Mula2 menang lepas tu berundur balik sebab air superiority didominasi oleh Jerman. Malah British Navy(paling kuat di dunia masa tu) tak boleh nak kekang air raid jerman tu.



Kemudian Hitler buat MoU dgn Stalin nak bagi2 Poland sesama dia dan blitzkrieg pun berlaku. Habih Warsaw dikerjakan dan Rusia pulak amik sebelah timur Poland. Polis dunia British n French officialy declared war on Germany...maka bermulalah WWII.

### Part 3 - The Fall of France



Setelah Jerman dapat Norway dan separuh Poland, dia aim kat Low Country plak iaitu Belgium, Denmark dan Belanda. Negeri ni kira macam kacang je bagi Hilter. Senang je dia tarah tapi Belgium susah sikit.. Sebab askar Perancis dan BEF (British Expeditionary Forces) ada berkubu utk cover Belgium. Jerman mara jugak dan pertempuran hebat berlaku tapi teknolji jentera Jerman lebih maju dan dgn mudah dpt halau allied ni ke barat lagi.



Allied kemudian terpaksa bertahan di Maginot Line iaitu sebuah kubu besar merentang di sempadan Perancis. Kubu ni kira ,macam battleship atas darat...panjang, besar, meriam bagak2..nampak mmg hebat. Tapi Jerman lagi bijak dgn jeneral terbilang mereka iaitu Von manstein dan Erwin Rommel..idea mereka excellent. Bagi mereka buat apa tentera Jerman menempah maut serang Maginot Line, lalu mereka buat perancangan dgn melalui dense forest iaitu di Ardennes (bagi allied, mustahil musuh akan melalui hutan tu dgn jentera2 berat) tapi itulaa hakikatnya Jerman masuk melalui forest dan attack French n Bef column dari belakang.



Toporanjat buruk allied and so...mereka terkepung,supply out dan mereka kemudian dihancurkan seta merta. bagi divisyen allied yg lain..perhubungan, supply sesama mereka hancur. Mereka diasak Jerman hingga ke pantai Dunkirk, kalau ikut teori mmg senang Jerman nak makan allied kat pantai tu tapi Tentera Jerman hanya biarkan mereka berkumpul kat pantai menunggu segala macam kapal,bot ikan atau apa2 saja nak rescue tenrea mereka. Ahli sejarah mengatakan,Hitler saja delaykan serangan di Dunkirk sebab nak tunjukkan pada British rasa hormat dan belas ihsan dgn harapan Britain akn menjadi sekutu mereka.

### Part 4 - Fall of France II



Lebih kurang 100 ribu lebih Bef dn French Force berjaya diselamatkan oleh kapal2 British dan mereka dibawa pulang ke Britain. Pelarian French Force di Britain ni kemudiannya dikenali Free French. Diketuai oleh Jeneral Charles de Gaulle. Mereka ni nanti berjuang bersama2 British on later stage of the war. Kemudian Jerman pun invade Dunkirk dan punyalah banyak meriam,kenderaan dan macam2 senjata ditinggalkan.



Polis dunia pun cabut! Tentera Jerman then fokus kat Paris....dlm masa 2 minggu Paris menyerah dan lebih 100 ribu lebih tentera Perancis terbunuh dlm usaha mengekang Jerman. Perancis jatuh dan Marsyall Petain mewakili Perancis dlm upacara penyerahan dan dilakukan didlam keretapi yg sama semasa Jerman menyerah kalah dlm WW1 dlm perjanjian Versailles. (Petain ni adalah hero perancis dlm WW1). Kemudian Petain dijadikan boneka untk kerajaan Vichy French yg merangkumi selatan Perancis (kena cucuk hidung oo).



Hitler bila mendengar France ni jatuh sampai menari2 dia...punyala gumbiraa. So, kesemua Eropah barat telah berada di bawah cengkaman Nazi kecuali Britain kerana Britain berdegil tak nak sekutu, Spain berkecuali tapi pro Hitler pasai Hitler tolong diktator tu, General Franco..masa Spanish civil war dan menang. Italy pulak rakan karib...Swiss mmg dari dulu dasar berkecuali.. nak tawan pun takda apa kat sana..banjaran Alps adala.



Negara2 seperti Romania,Hungary dan Austria kira masuk sekutu Jerman pasal tak lalu nak lawan..angguk je laa. Dan Hitler dah bagi chance kat Britain tapi berdegil....sesuatu akan berlaku pada Britain pada 1940..Churchill..remember. you're alone now..Europe is ours...only a liquid courage left...begitu laa yg diucapkan menteri luar Jerman Encik Von Ribbentrop kpd diplomat Britain..... Apa akan jadi pada Britain then....tungguuuuu!!!!

## Part 5 - Prelude to Battle of Britain



Sebelum kita tgk nasib Britain, kita pergi ke Berlin, Jerman jap..sebelum perang bermula pakatan Axis ni ada buat pertemuan dan ada planning masing2. Mereka telah bahagi2kan wilayah2 utk dikerjakan.



Jerman akan menelan Eropah, Jepun pula habuannya asia pasifik dan Italy Balkan dan utara afrika. Jepun, kisah ni kita simpan dulu.



1940 Italy dah sedia ada kat Libya (jajahan dia) dan dia cuma hala ke Ethiopia. Mussolini ni bagi saya langsung tak gentleman... Ethiopia ni apa yg ada..lembing ngan ada la 1000 dua senapang..itu pun nak dilawannya.



Bab Italy kita stop kat Ethiopia dulu dan sekarang fokus balik kat Britain. Jerman dah plan akan melakukan blitzkrieg besar2an dan kemudian operasi sealion iaitu operasi amfibia ke pantai Britain jika air raid berjaya.



Marsyall Herman Goering adalah ketua turus angkatan udara (luftwaffe-adalah air force terbesar dunia tika itu). Pada Mei 1940 pesawat2 pengebom kecil iaitu Junkers Stuka telah mengebom penempatan tentera pesisir pantai.



Kemudian diikuti pesawat yg lebih besar iaitu Heinkel He 111 melabuhkan bom berangkai dikota2 Britain. Maka bermulalah Battle of Britain .



Pesawat pejuang Jerman Messerschmitt melancarkan serangan2 selain pengiring pesawat pengebom. RAF (Royal Air Force) tidak berdiam diri. Mereka dgn pesawat Hurricane dan Spitfire yg sungguh terkenal



melawan balik. Orang awam dpt menyaksikan dogfight antara mereka dgn jelas dibawah. Banyak bandar2 termasuk London teruk dibom, tapi British masih tak mengalah.

## **Part 6 - Battle of Britain**



Serangan bertalu2 Jerman berlanjutan hingga Oct 1940. Pada awal serangan British hanya mempunyai nisbah 1/3 jumlah pesawat berbanding Jerman. Terimakasih pada industri pesawat yg terus menerus menghasilkan



pesawat, Britain terus dpt bertahan. Pada kemuncak BoB British mempunyai sekitar 2000 pesawat manakala Jerman

lak l/kurang 4000 pesawat berbagai jenis. Pasukan darat Jerman yg telah menanti selama 5 bulan masih menanti janji Goering.



Selagi RAF tidak dimusnahkan operasi sealion tidak dpt dijalankan dan adalah ibarat bunuh diri jika meneruskan serangan amfibia. Last sekali Goering mengaku kalah disebabkan jumlah korban semakin meningkat.



British mengalami kehilangan 1500 kapaltrbang dan 550 pilot yg terkorban dan Luftwaffe pula 1900 kapalterbang pelbagai jenis dan angka korban 2500 pilot dan crew.



Operasi sealion dibatalkan maka Britain terselamat dari penaklukan Jerman tapi sebuah pulaunya yg bernama Channel Island telah dijajah Jerman. Jeneral RAF Hugh Dowding telah menjadi wira Britain.



Goering tak boleh nak pandang muka Hitler dah..malu malu apa laa lu ni Goering, wa pun sama malu gak!!

## Part 7 - North Africa



Ok..Britain dan Jerman kita stop dulu, sekarang kita tgk Italian campaign pulak. Italy mmg dah ada port kat Afrika Utara iaitu Libya (ingat Umar Mokhtar) dan Somalia dan baru dapt satu lagi iaitu Ethiopia. Pastu pulak Algeria (jajahan Perancis) dah masuk



Pack axis pasai France dah jatuh kat Jerman. Cuma Mesir masih lagi di bawah lindungan British berdasar penjanjian terdahulu. Apabila Italy declared war pada 1940, British terus attack Bardia di Libya walaupun keseluruhan tenteranya cuma 36 ribu org



berbanding 200 ribu lebih Italian. Jadi apalagi Mussolini arah

Jeneral Graziani utk counter attack besar2an kat Mesir. Maka masuklaa tentera Italy sehingga 100km ke dlm Mesir iaitu Sidi Barrani. Nak tau apa jadi?



DISASTER! dari mula lagi. Walaupun ramai tapi effeciancy kaput. planning out dan supply hancuss..Mereka tak terpikir any supplies datang dgn kapal..walaupun dah ada port kat Tobruk,Libya tapi laut Mediterranean siapa yg pegang.....British laa.....



Habih kapal Italy jadi sayur kena potong by British Navy. So, without supply macamna nak lawan British. General Wavell(British) senyum2 simpul sambil membelasah divisyen Italy tu. Sebelum tu Graziani dah masuk kat mesir dan kali ni pulak Wavell dah masuk kat Libya beratus km pulak.



Apalagi Mussolini pun menggaru2 kepalanya yg botak tu memikirkan camna nak buat. Nak tak nak kenala minta bantuan Hitler gak. Tapi Hitler ni smartla. Dia kata dia akan support Italy sedaya upaya dan Hitler terus menubuhkan divisyen DAK (Deusche Afrika Korps).

## **Part 8 - Rommel and Montgomery North Africa**



Hampir 100 ribu tentera Itali samada terbunuh, tertangkap dan cedera dan British sentiasa mengasak dan Graziani cuma dpt bertahan menantikan ketibaan Rommel. Pada feb 1941 Rommel dan tenteranya tiba di Libya.



Rommel segera mengatur strategy untuk meramaps balik separuh Libya dan penaklukan Mesir. Tentera Italy separuhnya diletakkan dibawah kawalan Rommel. Dasar yg sama iaitu blitzkrieg digunakan.



Planning yg brilliant oleh Rommel telah berjaya mengkucar-kacirkan Wavell dan British terpaksa berundur hingga ke sempadan Mesir semula. Dan sekarang afrika korps sedang

berada diambang pintu gate Mesir. Takut...British dah mula takut dah.



Di London, Churchill dan menteri cabinet mencari jalan utk mematahkan serangan Rommel sampaikan orang tua dgn curutnya tu sanggup terbang ke Kaherah untuk mengumpulkan kekuatan dan semangat askar2nya.



British terus menerus diasak dan masa semakin suntuk. Lantas Churchill melantik jeneral Bernard Montgomery untuk memimpin angkatan baru yg dinamakan The eight army (The Desert Rat). Keretakebal baru dari amerika dihantar khas untuk pasukan ni.



Amerika masa ni belum lagi join perang lagi tapi dia supply cukup banyak peralatan tentera utk British dan China. Sherman tank adalah dikira workhorse bagi 8th.army ni. Jadi Monty pun mula menggerakkan mobiliti utk mengekang tujahan afrika korps ni.



Berbalik pula dipihak Rommel, beliau terus mara dan dpt mengalah kan apa jua rintangan dan dlm pada tu dia memerlukan bekalan yg tidak bole putus untuk operasi seterusnya dan setakat ini supply canteek. Hitler telah menggerakkan kriegsmarine nya iaitu u-boat, kapalselam2 untuk melawan balik kapal British



yg asik kacau daun kapal2 bekalan selain dari bantuan Luftwaffe. Semua dikira in-order laa dipihak DAK ni. Monty masih bergelut, lawan tetap lawan dan terpaksa berundur hingga ke sbuah kampung yg bernama EL Alamein.



El-Alamein adalah hidup atau mati British di Mesir. Jadi keseluruhan jentera British di asia barat dihala ke sini. Supplies mencurah2 masuk, tentera komanwel dari Australia,NZ,Canada bahkan Free French army dan Polish free army pun join. RAF tidak



ketinggalan..semua dah jadi 1..takut punya pasal hehehe. Tapi diorang tak tau, Rommel bila sampai kat El Alamein menghadapi masalah besar, dek pasai trlalu laju advance ke Mesir, supply tak bleh nak tampung. Jadi dia bertahan je laa.



Monty pun pelik gak, apasal Rommel stop kat situ dan duk diam je. Rommel masih lagi mengharapkan bantuan bekalan untuk meneruskan serangan. Dlm hati dia " mintak2 jgnlah sampai si Monty ni tau, kalau tak mampuih aku".

## Part 9 - Balkan



Okay, sebelum kita tengok apa akan terjadi pada Rommel dan Monty di Afrika utara, kita skip kat Balkan pulak. Pasai nak tgk kisah Italy jugak. Italy ni kita kira dia bukak 2 front. Satu kat northen africa dan satu kat Balkan.



Campaign pertama kat Balkan ialah menakluk Albania. Albania ditakluki pada 1939, sebelum campaign afrika utara. Negara tu kecil dan tak kuat, senang dia pulun dan kemudian buat base dgn 12 division kunun2 nak telan the whole Balkan.



Jen. Badoglio dan Roatta dipertanggungjawabkan untuk offensive. Pada Oct 1940 Italy telah melancarkan serangan ke atas Greece. Nak tau apa jadi? Emmm serupa kes laaa dgn afrika laa..DISASTER. Italy masuk sikit je dlm Greece pastu dgn tak disangka2 tentera Greece pula yg pukul Italy sampai masuk jauh ke dalam Albania. Malu lagiik. Merah padam Mussolini..nasib baik laa Hitler anggap Musso ni sebagai mentor dia. Dgn muka senyum2 paksa terpaksa laa minta bantuan kat Hitler lagi.



Tapi tu laa satu yg nampak baik kat Hitler ni. Dia takkan biarkan kawan2nya terkapai2 dan dia mesti tolong. Hitler kemudian planned 1 ketumbukan tentera ke Greece dan seterusnya Yugoslavia. British ada hantar askar kat Greece tapi kalah.





Dan pada tahun yg sama seluruh Balkan jatuh pada Axis tapi gerakan partisan (guerilla) berterusan hingga perang tamat pada 1945. Di sinilah ketua partisan Yugoslavia Josip Broz Tito menempa nama (kemudian menjadi ketua negara Yugoslavia).



Wehrmacht (angkatan tentera Jerman) ni nampaknya telah lari dari schedule asal plan oleh Hitler kerana tumpuan mereka di Balkan...pasai apa..nanti kita cerita kemudian.

## Part 10 - El Alamein Afrika Utara



Balkan selesai dan Rommel? Apa yg ditakuti Rommel terjadi. British 8th.Army telah mula menyerang El Alamein besar besaran. Dgn kekuatan hampir 200 ribu askar dan -1000 tank, mereka menyerang berhabis-habisan. Kekuatan Rommel cuma separuh dari itu. Perang berlanjutan hingga Nov.1942.



Jeneral Bernard Montgomery berjaya menghalau Rommel keluar dari Mesir. Dari 550 tank, Rommel cuma tinggal 47 tank dan angka korban axis meningkat 30 ribu lebih. Monty juga kehilangan 500 lebih tank tapi reserve ada hampir 500 lagi dan angka korban pula hanya 14 ribu orang.



Walaupun bagaimanapun Rommel masih dapat mempertahankan Libya. Pada waktu ini Amerika telah terjebak dalam perang ini setelah Jepun menyerang Pearl Harbor pada 7 Dec.1941. Dan ini memberi kelebihan pada British.



Amerika pula komited untuk menghancurkan kuasa Axis ni.

Industriya yg mmg gergasi telah dikerah untuk menghasilkan sebanyak mungkin segala macam keperluan tentera untk tentera nya dan berikat. Amerika juga telah membuka dua front skaligus.



laitu Pacific dan Afrika Utara. Pada 8 Nov.1942, Amerika melancarkan serangan amfibia ke atas pantai Morocco dan Algeria (jajahan perancis dibawah telunjuk Jerman).



Seramai 100 ribu askar didaratkan di kedua2 pantai tersebut. Pada mulanya menerima tentangan yg hebat dari tentera Vichy French. Tapi kemudian Vichy french di kedua2 Morocco dan Algeria telah berpihak kepada berikat.



Dan mereka bergabung dgn Amerika berserta British di Afrika. Amerika dan French di barat dan British di sebelah timur. Tentera Jerman dan Italy ibarat sandwich di tengah2. Rommel boleh makan Amerika ni dgn syarat supplies mencukupi.



Masalahnya sekarang ialah Hitler telah membuka eastern front yg baru iaitu operation Barbarossa - pi serang SOVIET pulak. Majority supplies, manpower dan apa saja tercurah pada front baru ni. So....pandai2lah Rommel untuk bikin strategy.



Nanti lepas2 ni kita akan dgn Jeneral Patton, Jen omar Bradley. Siapakah mereka.....

## Part 11 - apa tajuk nak letak nih?



Lagi sekali kita tinggalkan Rommel dan musuhnya sebab Hitler ada misi yg lebih besar lagi. Fokusnya sekarang Soviet Union. Operasi Barbarossa namanya. Seluruh kekuatan akan dihalakan ke sana.



Termasuk angkatan yg pada mulanya dikerah dlm sealian. Kita sebelum ni tahu bahawa Hitler ada buat non aggression pact dgn Stalin yg dinamakan Molotov-Ribbentrop pact.



laitu pembahagian Poland dan tidak menyerang antara sama lain. Sedang Stalin leka menghisap rokok berkepul2, Satu berita yg tidak diduga diterima..separuh Poland dan bandar2 sempadan telah diserang Blitzkrieg Jerman.



Taiko panzer tactical seperti Guderian, Manstein, Model telah berjaya menakluk bandar demi bandar. 3 negeri baltik, Ukraine (seperti kilang roti USSR), telah ditawan. Herman Goering kali ni berjaya memainkan peranannya



Luftwaffe telah melumpuhkan tentera udara Soviet dgn jayanya. Dia bolehlah mengangkat mukanya kembali pandang Hitler. Marsyal Semyon Budenny hanya memandang medalnya yg penuh kat uniformnya kerana



panik. Last2 kena sack oleh Stalin. Koordinasi tentera USSR ni kelamkabut, communication huru hara..arahan ada yg tak sampai..kebayakkannya jentera perangnya tidak dilengkapi radio..Beratus ribu yg kecundang.



Dan beratus ribu juga yg jadi POW. Senjata pun tidak cukup walaupun manpower tak terbilang ramainya. kemudian tampuk tentera dipegang oleh Marshal Gorgi Zhukov dan Jen. Rokossovsky. Arahan dikeluarkan..retreat to the east



Sambil2 berundur kesemua apa yg ada, dimusnahkan dan yg best ni..kilang2 diorang boleh dismantlekan dan bawak ke timur dan kemudian pasang balik and production on...dasyat2. Jerman terus menyerang dgn garangnya..Achtung Abteilungen..

## Part 12 - The Talalla Brothers

Kita skip kejap kisah Barbarossa...kita citer pasal 2 beradik ni dulu...



Cerita ni mungkin tak ramai yg tahu. Yg kita tahu orang Malaya dulu memang ada berperang di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura dan kisah landasan keretapi Burma tu berserta peperangan Borneo masa perang dunia kedua dulu. Biasanya yg kita dgr askar2 kita terdiri dari infantry dan navu saja.



Bagaimana pula dgn air force, mungkin ada, sebagai ground crew termasuk paratroopers seperti Force 136. Tapi pernah tak kita terpikir bahawa rakyat Malaya dulu ada yg jadi fighter pilot during war years dulu. Bukan kat sini tapi kat Eropah dari battle of Britain sampai laa invasion kat Normandy, Perancis sehingga laa tamat perang.



Percaya tak? ni yg nak citer nih...cer citerr cer citerr.....

Oklaa kita mula dari A laa. Hewage Benjamin Talalla adalah rakyat Ceylon (Sri Lanka), pada awal 1900an dia dah merantau kat tanah melayu dan kemudian jadi warga malaya. Dia ni keturunan Sinhalese (yg lawan Tamil Eelam tuh). Datang sini sengkek je tapi berkat rajin dia dah jadi kayaraya.



Dia ni minat kapalterbang, dia ada masuk club penerbangan. kemudian dia ada anak2 lelaki yg bernama Henry dan Cyril Talalla. Depa ni semua sekolah kat Victoria Institution kat KL tuh. Depa pun belajar bawak kapalterbang dan kira master laa. Hewage ni patriotik sikit orgnya, so bila masuk je perang pada 1939, dia pi suruh 2 org anaknya join RAF.



Last2 dua2 anaknya dapat masuk RAF dari zon Malaya laa. Yg lain semuanya keturunan eropah. Dua2 pi kat Canada belajar bawak fighter aircraft seperti Hurricane dan Spitfire. Start je

battle of Britain Henry dan Cyril terus bawak hurricane lawan Jerman. Beratus sorties jugak depa terbang. Depa bertempur hinggalah invasion day iaitu D-Day di Normandy.



Masa ni depa berdua dah pakai fighter aircraft canggih lagi iaitu Hawker Typhoon yg bawak roket kat dua2 kopaknyo tu. Aaa kat sini sedih sikit, salah sorang dari mereka telah terbunuh akibat ditembak Jerman 88 anti aircraft dekat Caen. Pihak marquis iaitu gerila bawah tanah Perancis telah mengkebumikan Henry. Cyril masih berjuang tapi tak lama kemudian dia jadi RAF pilot instructor.



Cyrrill ada balik Malaya dan keluarga depa pun selamat walaupun Jepun conquer Tanah Melayu ni dulu. Hewage taulaa anaknya Henry terbunuh dan dia sendiri pi kat Perancis dan desak pihak authority French dan British cari kubur anaknya dan masa tu laa tau Pihak marquis yg tanam dan berdasarkan serial nbr aircraft dan tag nama kat rangkanya.



Mayat Henry kemudian dialihkan ke dataran yg menempatkan kubur besar soldadu2 yg gugur semasa pendaratan Normandy. dan sampai sekarang once a year upacara mengingati dan menaikkan bendera dilakukan dan salah satu bendera tu ialah bendera Malaysia berdasarkan tanah tumpah darahnya..Malaya.

### Part 13 - Barbarossa



Sambung citer balik pasal serangan ke atas Soviet Union. Jerman mara dan mara. Salah satu bandar besarnya ialh Leningrad. Jen Von Leeb telah mengepung bandar ni bermula pada september 1941. Tentera merah berusaha sedaya upaya utk mempertahankan apa yg termampu.



Dari segi logiknya, bandar ni terputus hubungan dgn dunia luar, cuma tasik Ladoga yg menjadi penghubung ke daerah lain. Masalahnya kuasa udara Jerman sentiasa menjadi penghalang bekalan yg dibawa oleh bot2 dari daerah lain.



Von Leeb sebenarnya ingin masuk dan menawan bandar ni tapi ditolak oleh Keitel (bos kat Berlin). Keitel pun ada rasionalnya,

melihatkan Jen. Von Paulus betapa peritnya divisennya apabila memasuki Stalingrad.



Jadi Von Leeb mengepung bandar selama 872 hari dan berakhir pada Jan. 1944 apabila tentera merah mula kuat berserta div. Siberia yg terkenal dlm peperangan musim sejuk. Penduduknya amat terseksa akibat kebuluran dan apabila musim sejuk bertambah



lagilaa seksanya. Orang tua, wanita dan budak2 adalah mangsa pertama akibat kebuluran dan pengeboman selama tempoh kepungan tersebut. Jumlah casualties adalah seperti di bawah:



Tentera merah  
1,017,881 terbunuh, tertangkap dan hilang  
2,418,185 cedera dan sakit



Civilians:  
642,000 semasa pengeboman, 400,000 mati kebuluran



Jumlah di atas hanya di Leningrad alone....



Memang sedih keadaan penduduk bandar ni. Malah sampai ada report cannibalisme berleluasa setelah habis binatang seperti kuda anjing dan tikus. Sampaikan Pihak berkuasa bandar raised satu pasukan mencegah orang makan orang.



Bila tiba musim sejuk (kena pulak pada 1942 punya winter yg terdasyat), tasik Ladoga ni dah membeku..tau tak apa yg red army ni buat.....Dia buat rail ketapi..lagi sekali... rail keretapi....mmg dasyat2 cerita kat tanah Soviet ni.



Rail keretapi utk bekalan dari daerah sekeliling lake Ladoga

yg masih dikuasai red army. lagi satu, masa winter, Luftwaffe tak dpt bergerak..inih masanya penghantaran bekalan terutama makanan dan alat2 ketenteraan.



Begitulah dlm 3 tahun sebelum bebas dari kepungan.

## Part 14 - Barbarossa II



Selain dari Leningrad, fokus utama Hitler adalah ibu kota Soviet tu sendiri iaitu Moscow. Field Marsyal Von Bock, Guderian dan Kesselring dgn kekuatan sejuta askar dan ribuan tank dan armament lain telah pun sampai di pintu



pagar Kremlin. lebihkurang 20 km dan tembok merah kremlin dapat dilihat melalui teropong. marsyal Zhukov dan assistannya Vasilevsky cuba bertahan sedaya upaya dgn kekuatan 1.2 juta askar tetapi tank dan armament lain cuma separuh berbanding Jerman.



Dimulai dgn blitzkrieg, teruk juga red army kena belasah. Zhukov pada masa ini cuba menggunakan kelebihan tenteranya yg ramai untuk menahan kemaraan jerman. Pasukan Von Bock tidak menang tangan membunuh arus tentera merah ni yg tidak putus2 mara ke



arah mereka. Von Bock masih belum boleh memasuki Moscow keran tentangan red army ni. Dan pada Dec.1941 red army yg sudah bersedia dgn alatan musim sejuk berbanding Jerman telah melakukan counter attack. Diperkuatkan lagi div.Siberia yg terkenal dgn kemahiran bertempur dlm musim sejuk, mereka telah berjaya mengundurkan Von Bock sejauh 250km dari Moscow dan dgn ini telah menyelamatkan Moscow dari ditawan. Eastern Front bagi Hitler tidak sama lagi seperti sebelumnya kerana mulai



dari saat itulah, tentera Jerman hanya bertahan atau berundur saja lebih2 musim sejuk yg melanda. Pada masa yg sama Von Paulus dah masuk Stalingrad, Sevastopol, Crimea teruk dibom oleh railway gun Dora dan Leopold dan Leningrad masih dikepung.



Angka korban di Moscow +-sejuta orang dan 80 peratus Russian. Stalin dah dapat balik dah semangat dia dan bantuan dari Amerika juga tak putus melalui jalan darat di Iran dan Vladivostok harbour. Pada masa ini Rommel masih lagi bertahan di Libya, Jepun pula



bermaharalela di Pacific, British dihalau dari Burma dan bertahan di India. Atlantik, u-boat masih ancaman utama allied dan Malaya pada masa itu keseluruhan meriam besar dihala ke selatan dari Singapura dan kebanyakan dari 130 ribu tentera Komanwel berada di pulau singa itu.

keras sangat ke tasik Ladoga masa musim sejuk sampai boleh buat landasan keretapi ?

Iye Azim... memang keras... memang diorang ada buat landasan keretapi, mula2 hantar bekalan pakai truck2 aje tapi tak cukup, tu yg depa buat keretapi tu.... mula2 baca pada 1995 dulu dalam magazine IMAGE of WAR, mcm payah nak percaya tapi bila tgk documentary memang betul laa.... ada tgk truck on ice kar Alaska tu dlm Discovery Channel... truck2 berat lalu sungai beku..... tapi bukan sepanjang waktu, cuma musim sejuk aje... diorang tau laa sukat time bila.. 😊

## Part 15 - **Barbarossa III**



Perang Rusia ni kalau tak sebut Stalingrad mmg macam tak sah. Inilah peperangan paling sengit yg terpaksa dihadapi oleh kedua2 belah pihak. Bandar ni adlah bandar industri yg terbesar di USSR.





Lagi satu kalau Jerman dapat mengekalkan penjajahan di bandar ni, laluan untuk ke Caucasus (simpanan minyak besar) akan menjadi lebih mudah. So, go and get the city without fail, pesan Hitler pada komandernya.



Bukan calang2 Jeneral Hitler hantar, Von Manstein dan Von Paulus serta beberapa lagi dgn satu tekad...tawan dan control. Bagi pihak Soviet plak, Stalin dah bagi kata dua pada komander termasuk Zhukov...hold that city until relief..



Tapi yg betul2 komander kanan yg mempertahankan Stalingrad ialah Nikita Kruschev. Dia last2 jadi ketua negara Soviet dlm era perang dingin. Famous mamat ni (Cuban missiles). So, pada July 1942..Jerman pun serang seperti biasa..blitzkrieg.



Sebelum tu banyak jugak kilang2 didismantlekan dan dibawa ke timur untuk dioperasikan semula. Binatang2 ternakan semua dah diangkut sbb Rusia tau dah dia tak boleh nak hold Jerman punya serangan. Tapi lawan tetap lawan. Semuanya tak cukup cuma manpower je meriah.



Bila barisan depan Red army runtuh, Kruschev menghantar human wave lawn dgn Jerman steel. Tu pasal la jumlah korban Rusia ni begitu tinggi. ITu je yg ada pada masa tu. Kruschev pikir gak...kalau dia tak buat camtu, tentu Stalingrad tumbang..Bila Stalingrad tumbang, dia pun sama



tumbang laa kat depan firing squad..Stalin, tau je le. Lawan2.. Jerman tetap masuk dan dapat menguasai 90 peratus bandar tu. Tapi resistance bawah tanah (lebih dikenali tentera tikus) amat hebat. Jerman masuk kat bandar kira penuh dgn keseksaan.



Masuk musim sejuk lagilaa....kena pulak dgn kegagalan Luftwaffe menghantar supplies utk 100 ribu lebih tentera Jerman amat merumitkan keadaan. Red Army dia dah prepare asas2 utk perang musim sejuk. Dipendekkan cerita, Red army berjaya menyekat land supplies line



dan seterusnya mengepung the 3rd reich yg mengigil2 kesejukan kat dlm Stalingrad tu. Dan Red army masuk dgn disokong resistance yg tersedia ada kat dlm bandar tu. The 6th.army yg dipimpin Von Paulus...doomed.



Von Paulus trapped dan dia pun menyerah diri (mengenangkan tenteranya yg terseksa) walaupun dihalang Hitler. Marah betul Fuhrer ni...mesti dia sumpah seranah Von Paulus ni dgn tangan terketar2,,parkinson. Ini adalah pemimpin tertinggi Jerman yg pertama kalah di medan perang dan adalah juga kekalahan pertama Jerman dalam land warfare. Dan di sinilah turning point peperangan kerana selepas ini Red army pula yg akan mengejar wehrmacht.



Seramai 750 ribu jerman terbunuh dan cedera dan 90 ribu lebih jadi tawanan manakala red army hampir 500 ribu terbunuh dan hilang dan 650 ribu cedera atau sakit. Orang awam pulak lebih kurang 40 ribu orang.

Dalam filem Stalingrad, penduduk2 dalam bandar yg terkepung tu terpaksa maka makanan yg dicatu kerajaan, sebuku kek yg dipotong 3, sepotong untuk breakfast, sepotong untuk lunch, sepotong untuk dinner.....lepas tu semua penduduk lelaki tak kira tua ke budak2 ke dikerah jadi askar..

ada dalam satu babak pertempuran tu, semua askar2 russia ni berlari menggempur kemaraan askar jerman..yg sedihnya, ada yg tak pegang senjata pun, saja lari camtu je dgn harapan dapat lawan tumbuk kot..hehe..tapi mesti tak sempat punya, askar jerman dah shoot dulu..dam..dam..rebahla si askar yg tak bersenjata tu..

punyalah terdesak askar russia time tu...

Betul bro...mmg seksa betul diorang masa tuh, ditambah lak dgn musim sejuk luarbiasa plak. Tapi dua2 pihak menderita kat sana....kalo tgk statistik peperangan laa....perang di Rusia adalah yg paling besar dan paling hebat macam clash of the titan lah. Jauh lebih hebat dari Normandy dan Pasifik...Beratus2 Divisyen terlibat terutaman Rusia dan angka korban adalh yg terbesar sekali.....

jadinya boleh la ditaksirkan walaupun si Von Paulus jiwa ada kental hati ada batu... last2 cair gak sbb tak tahan tgk tenteranya terseksa dalam perang Stalingrad tu...

Sebab dlm taman ada hati...hehehhe ei takde laaa gurau aje...Sebenarnya Von Paulus lama gak bertahan kat bandar tu dgn supply yg tak konsisten....malah bekalan peluru pun habis...sampaikan nak lawan pun guna senjata musuh yg diorang dapat dari mayat2 askar Rusia....berbulan gak...senjata satu..makanan lagi dah tu pulak musim sujuk..equipment takde...baju pun bukan winter clothing. Pernah tgk gambar boot diorang balut dgn setebal2 kain...macam kartun rupanya..kalo tidak kang kena gangren....macam tu gayenye nak lawan lagi? Hitler senang laa cakap, bagi order aje....yg seksa Von Paulus dan askar2nya termasuk divisyen Italy, Rumania semua...

Kalau tak silap Von Paulus bnie memang bagus tapi masalah timbul bila Hitler tak bagi langsung peluang untuk dia berundur dari Stalingrad untuk mengukuhkan benteng pertahanan. Akibatnya dia yang hancus kat Stalingrad.

Hitler pun satu gak. Nak sangat Stalingrad. Mentang-mentanglah ader nama Stalin. Chait. Dah direkemen untuk bypass Stalingrad tak nak.. Lari prioriti betul.

Goering tue pun sewel. Janji nak bagi airdrop supply yang banyak dan konsisten... mana ader.. apa tak bengang si Von Paulus. Berundur tak boleh supply pun tak cukup..

Dia mmg bagus bro Tajau...wasting camtu aje komander berkaliber...kalo retreat dan regroup balik atau by pass je bandar tu kan elok..boleh cepat skit sampai kat Caucasus..bandar tu pun dah hancur dah, kilang2 pun dah banyak dismantle...industri doomed dah kat situ, cuma kepung macam Leningrad...takde laa hancur luluh divisyen2 tu. lagu satu yg paling penting moral tentera...jatuh merudum Tajau...Hitler sepatutnya lebih profesional bukan emosional (cececewah..macam aku lak pakar nazi...ptui..hehehe)

## Part 16 - Allied Strategic Air Bombing



July 1942, kita dah tahu Jerman sedang berundur dan bertahan di sesetengah area di Rusia tapi kat area lain masih maintain macam di France, Low Countries, Norway manakala Afrika Utara, Rommel sedang berhempas pulas



menangani dua battlefront timur dan barat da yg itu nanti kita cerita. Sekarang kita cerita pasal pengeboman besar-besaran oleh pihak berikat ke atas kaw.pendudukan Jerman. Bukan di darat tapi pengeboman dari udara.



Sebelum 1942, hanya British yg berani melakukan beratus sorties dipinggir sempadan atau dilaut utara dgn menggunakan jenis mosquito, blenheim, hampden dan wellington ug kesemuanya twin engine. Pergi banyak, balik sikit...maksudnya kena tembak jatuhla.



Dan pada Aug, 1942, USAF join dan berpengkalan dari British airfield. Mou antara mereka ialah British melakukan serangan malam dan US pulak pada siang hari. Aircraft utama bagi British ialah Lancaster 4 engine dan US lak ialah Flying Fortress B-17, 4 enjin jugak.



Lancaster lebih banyak load bom dari B-17..pasai apa? pasai B-17 ni punyaalaa banyak machinegun..kat depan,belakang,atas,bawah dan kedua2 kirikanan badan kapal. Banyak lagi jenis kapal tapi yg utama yg aku sebut tulah.



1942 adalah disaster bagi Fieldmarscall Herman Goering. Banyak bandar2 Jerman sendiri seperti Schweinfurt (kilang buat ballbearing) Dresden,Hannover,Nuremberg dan banyak lagi hampir musnah. Tak terkopap siGoering nak balas pasai sekali datang..beratus sampai



gelap kat bumi dek bayang kapal2 tu. Tapi....dgn kos yg begitu tinggi sekali ditanggung Allied.. 1 kapal jatuh +-10 orang terkorban dan kalau 100 jatuh dah berapa? Seksa..dua2 pihak seksa. Me109 dan kapalterbang terbaru Jerman Focke Wolf 190 (power kapal ni)



bertungkus lumus menghalang bomber2 ni dgn dibantu ack ack kat bawah. Me 262 Schwalbe (enjin jet) kat hujung2 perang baru ada..lambat

masuk. Tapi menjelang 1944, P-51 Mustang fighter aircraft boleh escort bomber2 ni hingga ke pendalaman Jerman kerna dipasang



drop tank (tangki minyak tambahan) dan apa lagi..payah la jerman fighter nak belash bomber2 tu kerana terpaksa berdepan ngan P-51. Hangin satu badan Hitler kat Goering, mana nak pikir Rusia lagi, Rommel lagi...fenin...fenin. Strategic Bombing ni pun besar peranannya ke atas kekalahan Jerman

## Part 17 - Afrika Utara (Final)



Last hari tu kita cerita pasal strategic air bombing by allied mega forces, dan sekarang pula kita terus tengok apa yg berlaku di Afrika Utara pada hujung 1942. Rommel masih bertahan dan US dah masuk kat Morocco



dan Algeria, British 8th.Army sedang compressed Rommel dari belah Mesir. US berkobar2 betul nak menyerang Jerman ni dan dengar pulak British macam success je dari belah barat. Apa lagi, pada Feb.1943 Rommel sudah bertembung dgn US



dan Corps di Kesserine Pass, sebuah lembah di tgh Tunisia. Agak2 apa yg terjadi? US kat situ kalah teruk.....Ini adalah pertempuran pertama US berdepan Axis yg dipimpin Rommel. US masa ni far inexperienced kalau compare Jerman dan Italy.



Yalah...as a newcomer dlm pertempuran di Afrika Utara tentulah banyak yg kurang. keretakebal kecil, firepower kurang, crew tak terlatih dan lawan nya pulak panzer III, IV dan tigertank dan kenapulaak dgn meriam flak 88 yg terkenal tu.



So US pun berundur dan Rommel mara beratus km jugaklaa. Tapi mara Rommel ni pun ada hadnya....supplies....benda ni

jugak yg mengekang advancing selanjutnya. Dia teringat El Alamein, so dia pun berundur balik ke posisi asalnya.



Dan apabila HQ dgr pasal Kesserine ni, dia pun order Lt.Jen Patton supaya lead US Corps dari sekarang. Patton ni mmg terkenal dgn sikap baran dia tapi dia dikira yg terbagus sebagai tank commander. Dan sorang lagi jeneral iaitu Omar Bradley jadi assistance dia.



Omar ni adalah seorang yg patuh pada ketuanya dan dia ni low profile sikit. Patton adalah seorang yg aggressive dan dia pun mula dgn misi balas dendam dia dan dia ni pun peminat Rommel jugak dan dia ada study taktik2 yg digunakan Rommel.



So diA launch attack besar2an dari sebelah Tunisia dan pada masa yg sama Monty serang dari bahagian Barat dan Libya sikit demi sikit dapat kat tgn British. Rommel dan Von Arnim (assistance dia) terpaksa bertempur dgn serba kekurangan. Musuh utama Rommel ni mmg



dari mula lagi bukannya MOny atau Patton tapi SUPPLIES. Hendak tak ndak retreat sampaikan Mareth Line yg Rommel hold pun dah bolos by British. Patton Success jugak tapi tak sehebat Monty. Jadi Rommel dan Von Arnim retreat sampai ke hujung Tunisia pasai dah dicompress



oleh British dan US. Hitler dah tak boleh nak support dah dan dia tahu Deusch Afrika Korps akan doom. Jadi dia bagitau Rommel suruh dia balik base kat Berlin pasal sayangla commander yg bagus ni jatuh kat tgn allied.



Rommel kalau ikut hati tak mau tinggalkan DAKnya tapi fuehrer dah order kena la ikut. Sedih dia. lagipun Hitler ada task untuk Rommel ni nanti. Tinggal lah Von Arnim dan +- 250 ribu afrika korpsnya bertahan termasuk Itlian Desert Army dan laaast sekali...habih.



Defeated..itu je laa yg boleh kita simpulkan bagi pihak Hitler. Dan ini bolehla dikatakan kekalahan besar ketiga Nazi Germany selepas battle of Britain, Stalingrad. Sebanyak 200 ribu lebih tentera Axis

dijadikan tawanan. Mussolini jgn cerita laa..dia dari awal kalah manjaaang je...So next.....ada masa kita cerita lagi.

## Part 18 - Italian Campaign



Sekarang kita berada pada pertengahan tahun 1943. Kita tutup bukulah campaign di Afrika Utara. Seluruh Afrika Utara sekarang telah didominasi oleh pihak Berikat. Pasifik pulak sekarang ni mmg tgh hebat pertempuran



antara US dan Jepun. Kat Rusia laaagi hebat dan ada satu lagi pertempuran besar(rekod dunia) akan berlaku, tapi itu kemudian kita cerita. Sekarang kita nak cerita pasal Italy pulak. Pihak Berikat sedang fokus pulau di selatan Italy



iaitu Sicily. Sicily adalah pulau yg penting dari segi naval logistik. Sapa dapat pulau ni, mediterranean akan dikuasai oleh mereka. So pada July 1943..operation Husky kalo tak silap laa..dimulakan. Serangan amfibia oleh US, British



termasuk Canadian. Keseluruhan operasi diketuai oleh Dwight Eisenhower(US) dan dibantu oleh US Patton dan veteran British Montgomery(Monty). Italy pula diketuai oleh Alfredo Guzzoni dan Jerman Fieldmarsyal Kesselring.



Allied berjaya mendarat di pantai2 Sicily terutama menuju ke Messina dan Palermo. Pertempuran berlaku selama 6 minggu dan last sekali Sicily jatuh ditangan Allied forces. Battlefield ni dasat gak...+- 22 ribu allied, 10 ribu Jerman dan 132 ribu Italian termasuk yg terbunuh, cedera dan POW dicatatkan.



So apa lagi, kapal2 allied bergerak bebas di Mediterranean utk hantar supplies dari Afrika Utara. Airstrip di Sicily akan digunakan untuk operasi ke Italian main continent. Mussolini

dah mula goyah kat Rome sana. Rakyat dah mula memberontak.



Tak lama lepas tu Mussolini digulingkan oleh rakyat Italy sendiri. Tapi Hitler sudah hantar Otto Skorzeny...dan MUssolini pun dpt dibebaskan dari tahanan tentera Italy yg berpaling tadah. Hitler naikkan balik MUssolini ni pada Sep.1943 jadi pemimpin bonekanya di Italy.



Serangan ke tanah besar Italy diteruskan. Pada masa ini kuasa tentera Italy dilucutkan dan sekarang dibawah pengaruh Albert Kesselring dan sedikit kuasa diberi kpd Rudolfo Graziani utk pasukan yg setia dgn Mussolini.



Kesselring ni sebenarnya dari sayap Luftwaffe dan tentera elit payung terjunnya banyak memainkan peranan utk pertahanan Italy. Dia pun tau bukan senang nak maintain position sebab resources utk allied ni tak putus2 dan tambah pulak resistance



dari org Italy sendiri. Satu ketumbukan tentera British termasuk Canada, Australia, India dan pasukan Free French yg besar dari tanah colonial afrika utara berserta Polish free troops dari UK dan lagi US forces yg amat besar menyerang dari selatan Italy.



Patton dan Monty berlumba2 kalau boleh sampai ke Rome dulu. Dan peperangan ni telah menjadi peperangan peribadi antara dua Fieldmarsyal ni. Bertambah botak la kepala Eisenhower pikirkan diorang ni. Askar US dah mula menyampah kat Patton ni.



Kadang2 misi yg mustahil pun si Patton ni suruh on jugak. Nasib baik la si low profile Jen Omar Bradley dah nasihatkan dia supaya berhemah dlm melaksanakn operasi perang ni. Barulah dia akur dan mula mendapat sokongan org2 bawahannya. Pada 4 jun 1944, Rome jatuh ketangan pihak berikat. Dan 2 hari lepas tu satu peristiwa besar (book record lagi) berlaku. Yg itu nanti kita cerita (kita simpan dulu). Pihak berikat bertambah semangat dan operasi ke utara Italy dilancarkan.





MUssolini? kali ni even Skorzeny pun tak boleh buat apa. Dia bersama mistressnya (diorang ni asik ada mistress saja) iaitu Clara Petacci dan konco2nya telah ditangkap oleh Partisan Italy. Nak tau apa jadi pada diorang?



Mereka telah dilantik menjadi raja mereka.....hentikanlah hehehe.. mereka semua telah ditembak mati termasuk Clara tu sekali. Pastu mayat2 mereka digantung terbalik kat pasar Rome. Pastu bila diturunkan, mayat2 mereka dipijak2 oleh orangramai..



Huh...sadis sadis.....lepas ni kita cerita bab yg lebih menarik lagi.

## Part 19 - Battle of Kursk



Hari tu kita stop kat mana? kat Italykan?  
Okay...Afrika Utara dan Italy, allied dah Conquer.  
Dan sekarang kita switch pulak kat eastern front iaitu Soviet Union.



Walaupun Red Army mara tapi mereka masih sangkut dibelah utara iaitu Orel dan selatannya bandar Kharkov. Antara kedua bandar tu adalah Kursk. Von Mainstein bersama Jen Model berjaya mengekang line antara



Orel dan Kharkov. Hitler sekarang masih berazam untuk menundukkan Stalin. Jadi, dia ada massive plan nak belasah balik Red army ni. Operation Zittadel or Citadel adalah jawapannya. Gigantic punya plan.



Seramai 900 ribu infantry, 10 ribu artillery, 2700 tank, dan 2000 aircraft pelbagai jenis di sediakan utk Von Manstein . Walther Model pulak jadi org kuat dia. Lokasi yg dipilih - Kursk.



Yakin sungguh Hitler dan jeneralnya..Ye laa kalau tgkkan kekuatannya..mmg menakjubkan. Tapi yg peliknya, 2 jam sebelum gerombolan Nazi ni nak berangkat ke Kursk, tiba2 je Soviet air raid dah attack diorang.



Kering jugak darah Manstein bila dgr cerita ni. Belum apa2 dah kena. Nak tau apasal? sebenarnya Zhukov dah tau rancangan Citadel ni...sapa bagi tau? Enigma bagi tau. Pada masa ni enigma code British dah break dah.



Bila British tahu..diorang mssg kat Rusia dan Rusia standby je. Selepas kena air raid tu, Jerman teruskan jugak ke Kursk. Ok..sekarang kita tgk persiapan Red Army pulak. Askar dia... 1.3 juta, artillery 30 ribu, tank 3600 dan 2400 aircraft. Tidak lupa juga...400 ribu mines yg ditanam di Kursk front line. Lagi banyak dari tentera Manstein. lepas tu pulak pertahanan Rusia ni berlapis2 laa pulak...blakang mines, artillery, pastu parit pastu kawad berduri, tank dan infantry.



Jerman sampai jugak kat Kursk. Diorang tau ada mines..jadi diorang keluarkan Goliath...mau kasi letup mines laa. Dekat sini ada kelakar sikit...Goliath pakai remote..yg Rusia ni pakat2 tembak tank kecil ni....



Bila dah ada lorong utk mara..maka heavy tank lalu dulu diikuti medium dan light tank dan seterusnya infantry...walaupun dah macam2 Zhukov planned, tapi Jerman masih boleh penetrated dan pada 12 July 1943 pertempuran tank terbesar didunia berlaku.



Sebanyak 1500 tank kedua2 pihak bertempur sehinggakan sedekat 10 meter dah macam lawan pedang..Ini adalah record dunia yg tak

dpt diatasi sehingga kini. Pada mulanya Jerman menang kalau ditgkan jumlah kemusnahan yg dialami Rusia tapi kemudiannya



Rusia pulak buat counter offensive dgn tindakan bersepadu armor dan air force dia pada Ogos 1943. Manstein minta Hitler support tapi payah Hitler nak tunaikan. Masa pertempuran Kursk ni berlangsung, Allied tgh nak masuk Sicily seperti yg kita cerita lepas.



So harapan untuk mengubah senario perang gagal. Maka tentera Jerman terpaksa berundur.. Pada masa Hitler dtg jumpa Manstein aritu, total Jerman yg terbunuh mencecah 50 ribu dan adalah dipercayai Red Army 2, 3 kali ganda lagi. Masa serangan Kursk kedua oleh



Rusia, berganda2 lagi jumlah kedua2 pihak yg terkorban. Tiger, Panther, Elefant, Ferdinand yg garang tu pun tak terlawan tank Rusia bukan kerana bagusny tapi kerana banyaknya. Lagi satu. Russian tank buattannya simple, kalau nak tukar spare part pun



senang...membinaanya pun cepat, berbeza dgn Jerman. Amatlah complex, terlampau details sgt sebab nak perfect..so pengeluarannya low.... Dan Battle of Kursk ini adalah operasi besar terakhir yg mampu dilancarkan di Rusia oleh Jerman..



Lepas ni Jerman retreat memanjang aje le....

## Part 20 - D-Day



Soviet semakin mengasak ke barat selepas kekalahan Jerman di Kursk. Walaupun menang kat Kursk tapi memakan korban yg amat besar bagi Stalin. Jadi Stalin ni pun tak renti2 desak US dan BRITISH



supaya bukak front baru dgn skala yg amat besar

supaya Jerman tak boleh nak fokus kat Rusia aje. Rupa2nya US dan British mmg dah planned lama cuma masa tak mengizinkan.

Jadi tarikh baru yg dipilih ialah 6 Jun 1944.

Inilah yg aku cerita kat topic Sicily dulu...world record tu. Setelah berbagai rintangan seperti cuaca buruk yg sering mengganggu, rahsia terlepas, maka Ike (Eisenhower) Commander in Chief mengistiharkan serangan ke atas



tanah besar eropah dan tempatnya ialah Normandy. Koordinat utk 3 cabang tentera allied disatukan bermula dgn operasi Overlord. Ianya ialah 2 ketumbukan paratroopers US dan British seramai 24 ribu orang akan terjun ke dlm kawasan Jerman dan akan bertindak mengkuar kacirkan dan cuba memusnahkan apa saja yg boleh. Glider yg besar2 juga digunakan utk mengangkut jeep2 dan meriam2 kecil. Misi mereka boleh dikatakan berjaya tapi memakan angka



korban yg besar terutama US paratroopers. Salah satu unit US ni betul2 terjun dibandar St.Mere Eglise dan Jerman mmg ada kat situ dan....hanya mayat2 yg sampai ke tanah akibat tembakan bertalu2 Jerman ke atas paratroopers malang tu. Salah satu unit British paratroops berjaya menawan jambatan penting dan mengekang sebarang reinforcement Jerman. Dan pada pagi 6 Jun....sebanyak 5 ribu kapal pelbagai jenis telah sampai di Normandy dan seluruh battleship menghala



senjata2 gergasi ke arah pantai dan KEBABOM. Jen Runstedt dan Rommel (tugas barunya menjaga atlantic wall) . terkejut betul..sebab intelligence nil dari spy2 mereka. Luftwaffe pun tak bley buat apa2 sebab cuaca mmg buruk pun. (5 ribu kapal dlm satu serangan adalah satu record sampai skang) Masa tu ketumbukan terkuat Jerman diPerancis ialah di Calais. Runstedt berjaya called Berlin dan nak cakap dgn Hitler sbb nak minta izin tarik kor armour dari Calais ke Normandy.



Nak tau apa yg Von Runstedt ni dgr....org kat Berlin takut nak kejutkan Hitler (tgh tidur)...maka berasap-asap hidung, telinga Runstedt bila dgr benda yg x logik ni. Maki2 Runstedt ni dibuatnya Macam p ramlee cakap Jerman dlm masam2 manis tu. Tapi Rommel tetap tenang dan memulakan strategynya. Walaupun teruk di bom, bunker2 dan machinegun pillbox tetap utuh. Kemudian serangan udara pulak lagi oleh Allied forces. Mmg kaw kaw allied ni bagi kat Jerman.



Dalm pada itu pihak bawah tanah Peranchis ni main peranan jugak. Diorang porong wayar telefon, lencongkan rel keretapi,,sabotaj sana sini disamping paratroopers yg menyusup masuk bandar2 berdekatan pantai.



Apabila selesai segala bombardment, maka barge2 yg bawak tentera allied pun bergerak ke 5 pantai iaitu (allied code) Juno, Sword, Gold, Omaha dan Utah. Mereka menuju ke pantai dgn harapan kesemua bunker Jerman musnah dan tidak ada lagi pertempuran.....

## Part 21 - Normandy

Sampai mana hari tu? Oh yaaa..dekat pantai Normandy, Perancis kan? Okay...Pada 6 Jun 1944 bala tentera US, British dan Canada yg seramai 175 ribu orang pada gelombang pertama on the the way ke 5 pantai yg disebut pada topic lepas.



Dalam kelima2 pantai tu, Pantai Omaha adalah yg paling malang bagi pihak yg mendarat iaitu US. Sebelum tentera infantry ni mendarat, sepatutnya keretakebal yg sampai dulu sebagai perisai. Keretakebal ni special sikit, pasal dia boleh berenang.



Sebenarnya tank yg dimaksudkan tu ialah Sherman tank yg diubah suai (ada rupa boat sikit). Kesemua pantai mmg didahului oleh tank ni. Nama tank ni ialah DD tank. Kesemua 4 pantai boleh dikatakan berjaya laa peranan DD tank ni kecuali pantai Omaha.



Sebanyak 112 DD tank disediakan untuk pantai Omaha alone. Hampir kesemua DD tank untuk Omaha assingment tenggelam, dan ada pula DD tank yg masih berada dlm LCT (landing craft transporter). Jadi bagaimana pula dgn infantry yg dah dekat nak sampai pantai tu? Ada tggk saving private Ryan? Macam tulah suasananya... 1st wave infantry yg sampai kat pantai Omaha bila keluar je dari landing craft, dekat situ dah kena dah... peluru,bom berantakan, bersimpang siur...mmg menempah maut.



Di pantai pulak, macm2 Rommel dah taruk. Periuk api, besi bersilang bertaburan....bak kata macam neraka laa bagi US infantry ni. Inilah yg Rommel katakan 'The Longest Day' tu. Siapa yg masih hidup

masa kat pantai tu merasakan serangn bagaikan seribu tahun.



Dan mereka mmg terperanjat kerana tentera Jerman masih berupaya memberikan tentangan yg begitu hebat walaupun teruk dibom oleh kapal2 dan serangan udara. Di pantai Omaha sahaja dari 50 ribu tentera US yg mendarat, 5 ribu maut..belum lagi yg cedera



dan Jerman pulak seramai 1200 orang. Ada satu pantai tu (nama lupa) pun teruk jugak...askar ni lepas mendarat nak kena panjat bukit curam pulaaak..seksa seksa...bukan boleh panjat macam tu je... nak kena pakai sejenis cangkuk yg ditembak dari bawah. Tangga panjang pun pakai...cliff tu setinggi 100kaki..dah tu pulak ada Jerman kat atas nun..tentulah dia kasi tembak sama Amerika. Target US ranger ni ialah nak menghancurkan meriam besar kat atas puncak tu (supaya selamat kapal2 kat laut).



Elok2 tgh panjat tinggi2, itu Jerman kasi tolak pulak itu tangga jatuh. Bedebap jatuh askar2 US..kat sini rasa2 ramai yg mati terjatuh nih. Sukar2..tapi misi berjaya jugak laa tapi dgn casualties yg tinggi. Maka puncak bukit tu dapat la ditawan..Hooray..kata mereka...



Dan diorang pergilaa nak musnahkan meriam besau tu TAPI... nak tau apa yg ada...mmg laa ada meriam tapi DUMMY je.. Babulu...berbuku...sakit hati...tut tut tut tut (mencarut cara US) ada yg hantuk2 kepala..tumbuk2 dada macam gorila tu dan mcm2 lg.



Manakan tidak, dgn angka korban tinggi, misi mereka adalah sia-sia. Rommel punya planlah tu....

## Part 22 - Turning Point in Europe



D-Day telah berlaku di pantai Perancis, setelah bertempur beberapa lama akhirnya Atlantic Wall tumbang jua. Pihak berikat berjaya merintis jalan dan keseluruhan 5 pantai telah dapat ditawan. Segala supply malalui pantai2 ini.



Dan akhirnya berjuta tentera berikat akan disalurkan utk pertempuran European Theatre yg sebenar. Bandar yg paling

besar di Normandy ni adlah Caen. Operasi menakluk Caen memakan masa berminggu kerana ketumbukan armour



German dari Calaise telah sampai di sini. Pertempuran amat sengit dan di sinilah seorang Komander tank Jerman Micheal Wittman telah menunjukkan skil tiger tank ace. Beliau telah memperdayakan 14 Sherman British dan sekaligus memusnahkan



nya dan 15 personnel carrier berserta 2 pounder gun cuma dlm masa 15 minit. Tiger tank beliau hanya ditemani hanya dgn 2 tiger tank yg lain. Micheal Wittman dlm keseluruhan campaign telah memusnahkan 138 tank musuh.



Beliau adalah tank ace yg setaraf dgn Otto Carius (150 tank) dan Kurt Knispel (168 tank). tapi akhirnya beliau tewas ditangan Sherman Firefly beberapa hari kemudian. Beliau terbunuh dlm kejadian tersebut.



Caen masih berantakan..cubaan allied untuk menorojos ke pedalaman Perancis penuh dgn liku. Dan pada masa yg sama tentera Soviet telah berjaya menghalau Nazi keluar dari keseluruhan wilayahnya.



Berundur, berundur dan berundur..itu saja yg dapat kita tgk German eastern scenario. Soviet semacam disuntik2 satu macam semangat...serang, Serang dan terus menyerang. Soviet menuju ke Poland. Gerakan bawah tanah Poland



apabila mengetahui kedatangan USSR ni...maka apalagi, mereka pun mulakan penentangan dari dalam untuk menghalau Nazi dari bumi mereka setelah 5 tahun dlm cengkaman. Kebangkitan ini dinamakan Warsaw Uprising.



Berpuluh ribu rakyat Poland memberontak dan ini merupakan tamparan yg hebat bagi Wehrmacht, SS dan Gestapo. Dan sebagai tindakbalas, German membagi cukup kaw kaw kat

pemberontak ini.



Free Polish akui hanya dgn kekuatan minima mereka tidak dpt bertahan lama, tetapi mengikut kiraan mereka, Soviet yg telah pun ada di sempadan Poland tentu akan datang membantu mereka...tetapi....



Polish teruk dibelasah dan ada satu unit SS telah membunuh penduduk Warsaw dgn sewenang2nya. 35 peratus kaw Warsaw menjadi padang jarak padang tekukur..LEVELLED. Rata seluas mata memandang. Bratus ribu penduduk awam maut.



16 ribu Free Polish terbunuh. 700 ribu penduduk lari meninggalkan Warsaw. 85 peratus kaw bandar rosak teruk. Dan pada ketika ini Warsaw adalah bandar yg paling teruk kemusnahannya di dlm perang dunia kedua. Manila pula adalah bandar berikutnya.



Apa pasal Soviet dok diam kat sempadan? Pakar sejarah mengatakan, ini adalah strategi Stalin. Sebenarnya org Poland dan Rusia adalah saling tidak mempercayai antara satu sama lain. Free Polish mengaharapkan pihak berikat dari barat iaitu US dan British



yg sampai ke Poland tapi Soviet lebih cepat. Hendak tak hendak terpaksa berserah jadi diorang buatlah jugak pemberotakan bagi memudahkan kemasukan Soviet. Bagi Stalin, org Poland adalah anti Komunis. Biar diorang dgn Nazi ni berantakn



sampai habis dan kemudian Soviet boleh masuk Poland tanpa ada penentangan dikemudian hari oleh org2 Poland. British dan US ada jugakla membantu Free Polish ni dgn bekalan2 yg diterjunksan dari udara, khabarnya beratus sorties yg dibuat



oleh mereka. Nak ikut jln darat tak boleh..US dan British masih jauh lagi..baru sampai kat Caen, Perancis. Masa ni PM British,



Churchill dah mula sakit hati kat Stalin. Ni kira tikam dari blakang. Tapi musuh no.1, Nazi masih ada.kena laa fokus kat ni dulu.

### Part 23 - Market garden, War from the sky



Setelah beberapa minggu, Caen telah dpt ditakluki. Dan dari sini berbagai set-up yg diperlukan oleh allied dibina di sini. Airstrip serta merta dibangunkan dan pengkalan besar dibina utk menampung bekalan2



yg sebegitu banyak dari pantai2 Normandy. Operasi untuk menakluk Perancis begitu hebat dilakukan sehingga Paris telah berjaya dibebaskan, dan General De Gaulle bersama Free Frenchnya diberi penghormatan untuk



march dg penuh bergaya ke dlm kota Paris..Viva Paghi.. Tapi sebelum itu satu operasi besar yg melibatkan unit2 payung terjun tlah dimulakan. Operasi tersebut ialah Market Garden.



Market adalah paratroops mobilisation manakala Garden adalah armour corps n infantry mobilisation. Pada september 1944, satu pasukan payung terjun terbesar dlm sejarah WWII telah digerakkan munuju ke Holland.



Seramai 34600 paratroopers dari Britain, US dan Polish terbabit. 14589 daripadanya menaiki glider yg turut dimuatkan meriam2 kecil, skuter2 kecil, ammo, explosives dan juga jeep2. Total 1438 buah transport aircraft Dakota, 2160 Waco gliders,



916 Horsa gliders dan 64 Hamilcar gliders digunakan. kesemua nya didaratkan 150 km behind enemy line. Manakala beribu jentera berat dari kor armour akan bergerak dahulu menuju ke Holland

dgn harapan dpt membantu paratroops on time.



Tugas paratroops ialah dapat merampas 3 buah jambatan dan mengawalnya untk laluan kor Armour (elak dari diletupkan oleh Jerman). Tiga jambatan penting tu ialah di kawasan Eindhoven, Nijmegen dan Arnhem. Arnhem adalah yg terjauh sekali.



Eindhoven dan Nijmegen dibawah t/jawab US dan Arnhem, British. Atas kertas memang canteek, tapi realitinya 'canteek abahkau'... US 82nd berjaya mengontrol jambatan Nijmegen, US 101st gagal sebab jambatan Eindhoven berjaya diletupkan Jerman.



Arnhem buat masa ni berjaya ditangan British. Masa adalah amat penting bagi kor armour untk sampai ke Arnhem. Dalam perjalanan ke Utara tu berbagai pertempuran dihadapi oleh allied armour. Lepas tu pulak jambatan kat Eindhoven digantikan dgn jambatan



pontoon yg terapung...masa lagi. Sebelum tu kor armour terpaksa pulak masuk bandar Eindhoven yg penuh sesak dgn org ramai yg menyambut ketibaan mereka..kena laa bawak tank slow2..masa lg. Yg British kat Arnhem tu, oklah dapat hold jambatan tu...tapi



utk berapa lama... Diorang tak tahu sebenarnya dekat Arnhem tu pulak ada satu ketumbukan heavy armour Jerman dibawah Bittrich. Heavy armour tu paham2lah..tiger pun ada sekali. 2nd day British kat bridge tu, ada satu unit armoured car dah serang British.



Kering separuh darah askar2 British tu tgk perisai2 Jerman ni sebrang jambatan...yelah..paratroops, mana ada kelengkapan berat. Tunggu punya tunggu kor armour tak sampai2. Ndak tak ndak lawan jugak laa.

## Part 24 - A Bridge Too Far



Walaupun teruk British airborne diserang oleh gerombolan kereta perisai Jerman, namun mereka masih boleh bertahan dan pihak penyerang berjaya ditewaskan. Pertempuran tu berlaku betul2 atas jambatan Arnhem tu.

Pihak Jerman masih tidak dapat menembusi pertahanan British utk keselamatan bandar Arnhem. Walaupun menang tapi mereka British) tecungap2 jugak. Ramai tentera mereka yg terbunuh. Dan dgn bekalan yg ada..emm..susah2.

Di Arnhem, semakin lama masa berjalan, British airborne semakin kurang bekalan, berbeza dgn Jerman..makin lama makin bertambah jentera2 perang mereka. XXX kor armour masih terhegeh2 nak pi selamatkan rakan2 mereka di Arnhem.

Bila kor armour dan 101st berserta 82nd airborne sampai di Nijmegen, mereka terhenti di situ kerana resistance di kaw. utara amat kuat. Dan pada 20 September 44, kor armour mengakui, pasukannya terlalu lemah utk keutara (Arnhem) memandangkan heavy armour

Jerman sedia menanti di sana. Colonel Frost yg mengetuai British para di Arnhem telah diberitahu hal ini. Amat mengecewakannya kerana supply yg ada hampir kehabisan, tapi mereka dijanjikan bantuan utk mengeluarkan mereka dari situasi itu.

Pada masa yg sama, Gen. Bittrich suruh Frost ni menyerah diri je.. Tapi Frost enggan. Kalau ada sesapa tgg a bridge too far, ada dua scene yg bagi aku, amat melampau. Ada ke sorang kapten pegi survey tgg jambatan dgn bawak payung je..menyampah betul aku.

Satu lagi..Jerman offer suruh menyerah, captain yg sama tadi tu kata..'we don't accept any surrender'..kunun2nya Jerman nak menyerahlah tu. Berlagak betul. Yg sebenarnya..aaa ni haaa...

The next day Bittrich kasi hamtam cukup2 British kat Arnhem ni.. habih heavy armour diorang gunakan sampaikan Frost sendiri pun cedera. Habih semua, makan ratusan jugak British yg mati. Yg lain termasuk Frost surrendered.

Pihak allied buat satu pasukan penyelamat untuk mengeluarkan tentera British di sekitar Arnhem. Tugas diberikan kpd Polish para dan US 101st airborne. Dlm masa yg sama, mereka terus menghantar bekalan2 melalui udara kpd tentera yg terperangkap tu.


Tapi kebanyakan bekalan jatuh di kaw. Jerman. Ada coklat, rokok dan macam2 makanan Jerman dapat. Sementara tu Polish para

dah set mana nak terjun. So depa pun terjunlah tapi...  
Diorg rupanya terjun betul2 kat kaw.Jerman.

Apa lagi..tak cukup dgn rifle, ack ack pun dihalakan keatas, aim kat Poilsh para ni...habih..bersepai. Ada jugak yg selamat, diorang regroup balik dan misi diteruskan. Bersama2 US airborne mereka berjaya menyelamatkan lebihkurang 2400 British Paratroops.

300 British terpaksa ditinggalkan kerana kecederaan yg dialami. Namun begitu pihak Jerman telah melayan tahanan dgn baik dn merka memberikan rawatan kpd mereka.

Total British dan US paratroops yg menjadi tahanan Jerman ialah 6854 org. Yg terbunuh lebihkurang 2000 org. Pihak Jerman 1300 terbunuh dan 2000 cedera. Jadi operasi Market Garden abandoned. Semua mata tertumpu pada Field Marshall Bernard

Montgomery...ko punya pasallah ni... 

## Part 25 - Pressure on Hitler simisai kontot

Operasi Market Garden tak seperti yg diharapkan Monty. Hanya separuh saja misi tercapai. Hasrat untuk menamatkan perang sebelum krismas 1944 tidak kesampaian. Jadi kebanyakan tentera yg mengambil bahagian

regroup balik ke Paris. Sementara menunggu bekalan2 sampai kesemua US 82nd dan 101st airborne berkampung untk menyambut krismas dibandar bersejarah itu. Manakala Patton 3rd.Army dah sampai ke wilayah selatan Belgium dan Monty

ke utara Belgium. Pada December biasalah, musim salji dan boleh dikatakan teruk jugak, lebihkurang macam kat eropah sekarang ni (jan.2010) sampai -10°C. Tgh2 nak masak ayam turki tuptup dgr tentera Us kat Ardennes Forest kena serang!

Jadi ayam turki tak sempat masak, diorang ni semua diarahkan ke utara untuk support US army yg sedang bertahan kat situ. Jadi sebelum pergi, diorang balun jelah ayam turki mentah, bukan apa..takut mati kempunan pulak.

Sebenarnya serangan itu adalah serangan terbesar terakhir Jerman ke atas western front. Jerman menamakan campaign ni Unternehmen Wacht Am Rhein ( Operation Watch the Rhine). USA dan English speaking Country

menyebut Battle of the Bulge.. Dilancarkan pada 16 disember 1944. Tujuan Hitler melancarkan Ops adalah untuk memecahkan kekuatan Allied antara USA dan British dan lagipun Hitler pun tau Patton dan Monty mmg ada pergeseran.

Lagi satu dia nak dapatkan balik pelabuhan Antwerp yg penuh dgn depoh2 minyak. kalau berjaya kemungkinan Jerman boleh meletakkan syarat kepada western allied ni untuk peace treaty. Dan lagi cuba memujuk pihak barat..ally dgn Jerman dan bersama2

menentang Soviet komunis (dia pun tahu Churchill n Rossevelt tak berapa berkenan dgn fahaman komunis ni). Tapi kebanyakan jeneral2nya sendiri tak yakin dgn andaian ini. Tapi Heinrich Himmler ketua SS) dan Hermann Goering bersetuju (kaki angguk je).

Plan dah lama, tapi jneral2 ternama seperti Rommel, Guderian, Runstedt dan pegawai2 lain dah dpt merasakan kekalahan Jerman ni. Cuba meyakinkan Hitler untuk buat peace treaty secepat mungkin, tapi Hitler tak mahu. So, apalagi..bermacam2 komplot "kill Hitler"

berkembang. Yg paling menonjol ialah cubaan bunuh Hitler di Wolfs Lair oleh Von Stauffenberg (tgk filem Valkyrie). Tapi komplot tu tak berhasil dan sudahnya Stauffenberg dan ramai lagi pegawai tinggi termasuk Erwin Rommel menjadi mangsa.

## Perang Dunia Kedua Part 26 - Battle of the Bulge



Erwin Rommel pun kena..wa cakap lu..Hero pun boleh kena. Rommel tak kena tembak, dia dipaksa telan racun sianida, kalau tak, keluarga dia nanti akan diapa-apakan. Pada 1944 keatas, Hitler ni pun mmg stress sangat2. Asik makan ubat penenang je dan mengikut journal dari sumber2 Jerman jugak...tgn asik teketaq2 aje..kena parkinson plak.

Fuhrer ni pun dah nampak tua dan hot tempered.

Oklaa..berbalik kita kat Battle of the Bulge. Persediaan Jerman pada kali ni agak dasyat jugak. Inilah kali pertama keretakebal King Tiger beroperasi (no match dgn US Sherman). Rifle semi automatic pertama dunia MP44. juga diperkenalkan. Rifle ni kira atuk AK-47 Russian kalashnikov. Rusia tiru laaa.

Jet pejuang beroperasi yg pertama di dunia Schwalbe Me 262 ..benda ni spitfire British dgn P-51 Mustang Amerika pun nganga tgk. Dan kelengkapan pakaian dan alat2 musim sejuk, well prepared. Nebelwefer..pelancar roket yg ada 5 barrel dan lebih, bisa bikin hancur sherman woo. Lagi satu perlu dijelaskan "Hitlers Jugend" atau Hitler's Youth atau kader remaja Hitler yg berusia sekitar 14 ke 18 tahun ramai yg menyertai pasukan ini (kebanyakkan tentera regular sedang bertungkus lumus di eastern front).

Kekuatan Jerman mencecah sehingga 500 ribu askar, 1800 tank, 1900 meriam pelbagai jenis. Manakala Allied, jumlah tentera pada mulanya tidak seramai Jerman kerana masih menunggu bekalan untuk kemaraan seterusnya. Belum sempat bekalan tiba dah kena tibai...Allied ni pun dah telebih confident, diorang ingat Jerman dah tak boleh nak bangkit lagi..sekali naaah kau...mmg mereka benar2 terperanjat melihatkan keretakebal yg sungguh besar, Sherman tembak bertalu2 tak lut...siap kena langgar lagi, tergolek

sherman..dah macam mainan je sherman dibuatnya. Terbeliak2 mata GI ni..Jadi apalagi...LARIIII. Yaa berundur ke satu bandar di Belgium iaitu BASTOIGNE . Semua berkumpul kat bandar tu dan para jeneral US plan nak cuba mempertahankan bandar tu dan kaw. sekitarnya. Minta bantuan udara dari markas di Paris tapi keadaan cuaca tak mengizinkan. Nak hantar bekalan pun payah. Ada baca pasai operasi GREIF?

Masa inilah diorang main peranan...maksudnya tentera Jerman yg berpakaian Amerika dan boleh bertutur slang amerika sudah masuk ke Ardennes dari darat dan udara. Ada yg menyamar jadi MP. Terbalikkan sign board, potong wayar telepon....mau kasi askar amerika lintang pukang..mmg menjadi pun..Mmg kecoh dibuatnya. Permulaannya Jerman menang dan Sepp Dietrich offer supaya askar amerika yg kat dlm hutan ardennes tu menyerah. Jawapan yg diterima oleh pegawai Jerman dari jeneral Amerika tu ialah...

"NUTS" ...betul tidak tak tau le aku...  
tapi mmg itulah dia dlm mana2 info battle of the bulge ni. Berlagak  
bangat ko ye!!! kata Sepp Dietrich, dan apalgi..SERAAANG

## Perang Dunia Kedua Part 27 - Bastoigne and Malmedy Massacre



Jadi serangan besar2an pun dilancarkan ke arah semua  
kedudukan tentera amerikana ini. Kemaraan tentera  
Jerman terus menuju Bastoigne. Dgn kekuatan kuasa  
tembakan yg ada Sepp terus mengebom dgn dasyatnya

bandar Bastoigne yg menjadi kubu terakhir Amerika ni.  
Tentera Jerman yg mengepung Bastoigne diketuai oleh  
Generalleutenant Heinrich Freiherr von Lüttwitz. Walaupun  
ada peluang besar utk menawan Bastoigne, Lüttwitz

merasakan selagi ajk pusat pibg..oohh bukan2, selagi  
Berlin tidak menjanjikan supply seperti bahanapi yg  
amat2 diperlukan, beliau tidak akan memasuki Bastoigne.  
Jadi kepungan diteruskan dan separuh dari keretakebalnya

di alihkan ke kaw. perkubuan amerika di sekitar Bastoigne.  
Manakala di utara, Panzer SS ke 6 Kampfgruppepeiper  
menerojos ka kawasan forest yg menjadi pertahanan US 7  
Armoured Battalion. Dan dalam jangkamasa singkat kese

luruhannya dapat ditawan oleh Joachim Peiper punya group ni.  
Lokasinya adalah berdekatan dgn pekan Malmedy. Mereka  
yg ditawan lebihkurang 150 orang. Nak tau apa yg berlaku?  
Kesemua US prisoner tu dikumpulkan ditgh2 padang bersalji.

Kemudian ada lebih kurang 2,3 trak parking selari dan menghadap  
mereka. Tawanan ni pun lega laa..ingat Jerman ni nak bagi  
Air suam ke. kopi panas ke..almaklumlaaa tgh sojuk giler ni.  
Tak sabar rasanya nak hirup kopi panas, pastu tglkaa kanvas

yg tutup belakang trak di songket ke atas.. Yaaa kopi panas!!!!

Traaaattt tat tat traaat tat tat....PELURU PANASSSSSS!!!!!!  
Massacre! Kopi panas tu adalah machinegun Jerman. Peluru dimuntahkan ke arah tawanan amerika. Boleh dikatakan

kesemuanya terbunuh dan adala beberapa kerat yg dpt melarikan diri ke arah hutan. pembunuhan beramai2 ini dinamakan Malmedy Massacre.  
(Malmedy Massacre Trial dijlukan di Nuremberg slpas prg)

Dalam pada iti Commander Sepp Dietrich dah mula risau dah. Apa taknya, planning dah behind schedule dah ni..masa berjalan gak. port depoh minyak kat Rotterdam tu jauh lagi.. Resistance pun banyak jugak.. "fenin, fenin aku" kata Dietrich.

Dlm pada tu dia terkenangkan Marlene Dietrich.. Sampai hati kau berhijrah kat amerika, kalo ko kat Jerman pasti kau akn lebih ngetop lagi.. Ini tidak..kau boleh plak join pancaragam amerikana ni pergi kat England dan ko hiburan pulak lagu Lily Marlene

versi Inggeris kat musuh Jerman!! Ko adalah pengkhianat!!!!  
Tup2 Sepp Dietrich terjaga dari lamunannya akibat dikejutkan oleh seorang adjutantnya. berita terbaru yg diterima... Operasi Greif dah hancur...ramai yg telah ditangkap dan kenakan

hukuman bunuh on the spot pasai menyamar askar amerika.  
Operation Stosser? Tanya Dietrich.. .. masih tak tau lagi nasib Heydte dan anak2 buahnya..kata adjutantnya.  
Lepas Malmedy, Peiper teruskan kemaraan tapi mendpt tentangan

hebat dari unit2 kecil ameirka yg berserakan di hutan Ardennes tu. Payah nak pergi lagi jauh dan bekalan banhanapi kena jimat2 sikit. Dan pada 23 dis 1944, keadaan cuaca semakin baik. Dan ini membolehkan pihak berikat menghantar bekalan dari udara secukup2nya.

Utk pengetahuan geng2 semua, pada masa ini Luftwaffe dah tak efektif di western front line. Ini disebabkan kebanyakannya di divertkan ke Eastern Front Line utk mengahadapi Red Army. Dan lagi, ramai pilot yg berpengalaman telah tiada..terbunuh.

Pihak USAF dan RAF menguasai udara sewenang wenangnya. Dan pada 24 dis 1944, kemaraan Jerman terhenti serta merta. Pihak british armour XXX corps telah menghalangnya di sungai Meuse. Pada masa ni banyaknya keretakebal Jerman seperti



kingtiger lumpuh. Bukan lumpuh kena serang, tapi lumpuh pasai tak boleh jalan..pasai minyak dah abis....dan jadilah macam meriam biasa..duduk je kat situ dan pusing2 turret dia cari musuh nak tembak.. Maka jadilah ia seperti sitting duck.

Tapi pihak allied ada yg sayang nak musnahkan kingtiger ni.. pasai ianya extravaganza (aku pun tak tau amendenye tu) Besar,cantik..banyak jugaklaa yg terselamat dan ditawan amerika.

Manakala Patton 3rd army telah membebaskan Bastoigne dan membuat counter attack ke atas column kerekakebal Jerman yg merangkak2 pasai apalagi...minyak laaa. Dan akhirnya keseluruhan operasi Battle of the Bulge Jerman

ini menemui kegagalan dan hilanglah satu harapan Hitler utk mengubah senario perang yg kini berpihak kpd pihak allied. Bertambah2lah lagi mengeletar tgn kanannya akibat parkinsonnya itu....Dan mulai sekarang, Hitler harus bertindak untuk memper tahankan tanahairnya sendiri.....

Nazi's Motto - Today Germany, Tomorrow the Verd (world)  
Tapi sekarang - Today the World, Tomorrow the bunker

## **Perang Dunia Kedua - Final Part**



Seperti yg kita tahu, Jepun menyerah kalah pada Bulan Julai 1945. Dua bulan sebelum itu iaitu pada 8 May 1945, Rakyat Eropah telah bebas dari belunggu Nazi Jerman. VE Day (Victory Europe) telah disambut secara besar2an dikebanyakan ibu kota eropah terutama di London n Paris.

Ini bermakna Jerman kalah dulu dari Jepun. Itu pun pasai "budak kecil" dgn "mamat gemok". Kalau takda pasai tu kemungkinan berlarutan lebih lama lagi. Okaylaa, sekarang kita nak cerita selepas kegagalan Jerman semasa "Battle of the Bulge" dulu. Ramai soldadu mahir dan separuh mahir kecundang dlm operasi tersebut.

Ada yg tertang kap dan terbunuh. Yng selamat mereka berundur balik ketimur.

Hitler sekarang dalam keadaan yg amat amat amat amat kritikal. Yg kat sebelah timur Jerman ada satu resaksa beruang merah yg meratah2 mangsa dimana2 laluan nya. Bertungkus lumuslah soldadu dan orang awam Jerman ni menghalang resaksa ni.

Salah seorang pegawai Jerman kat situ ialah Otto Skorzeny. Nak tau lebih lanjut korek internet kisah kat eastern front ni. Kat western front...tentera US dasn British dah melintas border. Arahan Hitler..dilarang berundur...bertahan, jikalau ada askar yg berundur ke sungai Rhine..hukuman tembak aje. Aaa „tugas ni akan dijalankan oleh Hardcore SS special unit.

Nak buat camna, kebanyakan divisyen Jerman disorganised dah. Tak terlayan SS ni...last2 depa pun sama lari gak.

Monty desak Ike (Eisenhower) supaya attack kat Ruhr dulu... cepat sikit boleh conquer Berlin. Ike pulak bagi katadua.... kaplahotak ko...Englishmen mudah lupa...baru bebrapa bulan ko dah lupa marketgarden? Pi raah!!!!

Kali ni ko dgr cakap aku pulaaak!!!! Dahlaa supply apa2 barang aku (USA) yg bagi, tentera aku (USA) pun dah dekat 2 juta antar kat sini. Beraapa banyak kapal dagang (USA) karam pasal U-Boat pasal nak bagi ko hidup...Englishmen mudah lupaa... Aku (USA) dominate dlm pakatan rakyat ni..ohh bukan2, silap2.. dalam pakatAn berikat ni...So, aku decide apa aku suka....

Dgn wajah robot, Monty reply.. "Let's have a tea..Ike"..nak tukar tajuk le tuuu...

Ike arah Monty cover kaw.utara dan tugas tih dijlnkan dgn baik oleh Monty. Colmar, Bremen, Hamburg telah dapat ditawan dgn casualties yg tinggi jugak. 325 ribu Jerman telah dijadikan tawanan. Patton 3rd.Army pula belasah Frankfurt, Dresden, Munich dan masuk sampai kat Salzburg (Do Re Mi), Austria.

Dan kemudian Omar Bradley fokus kat Hitler's Eagle Nest di Berschtersgaden. HQ perang Hitler di banjaran alps (atas gunung ni..tinggiiii). Operasi menakluk HQ tersebut berjalan lancar dan mereka sungguh terkejut melihat kemewahan di HQ atas gunung tu dan bungalow2 Goehring, Himmler, Borman kat sekitar Berschtersgaden.

Segala macam kemwahan terdapat kat sana. Stor wain punya laa besar, stor makanan..pehhh, hebat.

Alat2 seperti sofa,lukisan, perabot, hiasan dalaman dan luaran amat mengkagumkan askar2 amerika. Tapi Hitler dan konco2nya tiada di situ. Mereka semua telah bergegas ke Berlin. Monty kemudian sekali lagi urge Ike supaya terus direct ke Berlin, pasai dia takut the whole Berlin nanti akan conquer oleh Soviet. Tapi Ike

sekali lagi mengeneppikan idea Monty. Pedulikan Berlin, kita serang bit by bit.

Takda nak skip2. Sementara itu Soviet telah melancarkan serangan meriam besar2an ke atas Berlin. Hitler dan konco2nya bertahan dalam bunker khas dibawah bangunan Reichstag. Bagi kebanyakan pegawai tinggi Jerman termasuk arahan2 Hitler pada masa ini adalah tak masuk akal langsung. Suruh jeneral cover bandar tu, cover bandar ni...nak cover dgn apa? Mana askarnya?

Mana tanknya? Yang ada cuma tenaga kerahan terdiri dari org2 tua veteran WWI seramai lebihkurang 40 ribu yg dikenali sebagai Volksturm. Remaja Hitler dan police force lebihkurang 45 ribu berserta askar biasa termasuk SS. Kebanyakannya bersenjata ringan je dan panzerfaust (antitank).

Soviet pulak kat pintu pagar Berlin ada brapa? Cuba teka? Dia ada 1.2 juta tentera. Okay2 takpa...pertempuran antara soviet dan German people kasi korek internet supaya lebih terpeinci lagi. Laaast sekali Hitler akur.... there's no other way....kecuali makan sianida atau petik picu pistol. Tapi sebelum tu sempat jugak dia kahwin dgn mistress dia iaitu Eva Braun.

Dan pada 30 April 1945, Eva Braun telah menelan racun sianida dan Hitler pulak tembak kat kepala. Kedua2nya bunuhdiri. Magda, iaitu isteri menteri propaganda Nazi, Joseph Goebbels, tak dpt menerima hakikat bahawa Hitler dah mati. Jadi dia pun sama nak bunua diri tapi.....isk isk isk....sebelum tu..dia paksa anak2nya seramai 6 orang (kecik2 lagi) telan sianida.

Habih mati semuanya. Kemudian dia dan suaminya keluar bunker....,Goebbels tembak isterinya dan kemudian dirinya. Kedua2 mayat lakibini tu dibakar oleh adjutant pengawal peribadinya. Mayat Hitler dan Eva juga dibakar. Nazi di Italy menyerah diri pada 2 may 1945. Nazi di Holland (ingat Arnhem) dan Denmark menyerah pada 4 may 1945. German High Command di Berlin menyerah ada 7 may 1945.

Tentera USA dari barat bertemu dgn tentera Soviet dari timur di sungai Elbe (tgh Jerman) pada 25 april 1945, 5 hari sebelum Hitler bunuh diri. Begitulah kesudahannya The third Reich. Begitulah serba sedikit ringkasan Perang Dunia Kedua...

Sekian laa sahaja...